

Muka Surat : 1



KUSKOP salur RM650,200 bantuan ehsan banjir

Oleh Hamzah Sanudin

PENAMPANG: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensinya menyalurkan bantuan ehsan sebanyak RM650,200 kepada pelajar dan penjaja mangsa banjir di Penampang, semalam. Menteriinya, Datuk Ewon Benedick, berkata daripada jumlah itu sebanyak RM497,700 bantuan disalurkan kepada 19 sekolah rendah dan menengah melibatkan 1,659 penerima. "Manakala RM152,500 lagi disalurkan kepada 268 penjaja Persatuan Usahawan Kecil dan Sederhana Daerah Penampang, Persatuan Peniaga Tamu Donggongon dan usahawan Tekun Nasional Penampang. "Agensi terlibat dalam Program Ehsan@Kuskop ialah SME Corp, SME Bank, Tekun Nasional, PERNAS, Bank Rakyat, Coop Bank Pertama, Angkasa dan Yayasan Bank Rakyat," katanya. Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penyampaian sumbangan melalui Program Ehsan@KUSKOP, di Dewan Siga Tuavon, di sini semalam.

BANTUAN: Ewon (tiga kanan) menyampaikan bantuan itu kepada Persatuan Peniaga Tamu Donggongon, Penampang.

Utusan Borneo

Muka Surat : 2

KUSKOP salur RM650,200 bantuan ehsan banjir

► Dari Muka 1

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha KUSKOP Datuk Zamri Salleh; Presiden Majlis Perbandaran Penampang Francis Chong; pengerusi-pengerusi agensi; ketua-ketua pegawai eksekutif dan Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) Penampang.

Ewon berkata bantuan itu diberikan kepada pelajar yang dikategorikan 'terjejas teruk' seperti kehilangan baju seragam, kasut dan keperluan alat tulis ketika insiden banjir pada 30 Jun dan 1 Julai lalu.

"Pelajar yang telah dikenal pasti oleh sekolah-sekolah berkenaan akan menerima bantuan sebanyak RM300 setiap seorang.

"Harapan saya agar bantuan ehsan ini dapat meredakan bebanan pelajar dan penjaja yang terjejas teruk banjir," katanya.

Pelajar yang menerima bantuan itu adalah dari Sekolah Kebangsaan (SK) St. Theresa Inobong, SK St. Anthony, SK Babagon, SMK Datuk Peter Mojuntin, SK St. Joseph, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Limbanak.

Selain itu, SK Kibabaig, SJKC Yue Min, SK Kipovo, SM St. Micheal Penampang, SMK Bahang, SK St. Paul Kolopis, SK Penampang, SK Bahang, SK Puun Tunoh, SK Putaton Inobong, SK St. Aloysius Limbanak, SK Sugud dan SK Buit Hill.

SME Bank turut menyampaikan bantuan ehsan RM74,100 untuk empat sekolah, iaitu SK St. Theresa Inobong, SK St. Anthony, SK Babagon dan SMK Datuk Peter Mojuntin.

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menyampaikan bantuan ehsan RM50,000 kepada SMK Bahang.

Manakala Tekun Nasional menyampaikan sumbangan RM35,100 kepada SM St. Joseph Penampang.

PERNAS pula (RM50,100) kepada SMK Limbanak, Bank Rakyat (RM92,400) kepada SK Kibabaig, Coop Bank Pertama (RM15,000) kepada SJK Yue Min dan SK Kipovo.

Yayasan Bank Rakyat dan Pusat Khidmat Ahli Parlimen Penampang menyampaikan bantuan ehsan berjumlah RM109,600 kepada lapan sekolah, iaitu SK St. Paul Kolopis, SK Penampang, SK Puun Tunoh, SK Bahang, SK Putaton Inobong, SK St. Aloysius Limbanak, SK Sugud dan SK Buit Hill.

SME Corp menyampaikan bantuan kewangan kepada 30 ahli Persatuan Usahawan Kecil dan Sederhana Daerah Penampang iaitu sebanyak RM15,000.

Persatuan Peniaga Tamu Donggongon seramai 197 orang melibatkan bantuan RM98,500 dan Usahawan Tekun Nasional dan SME Corp seramai 41 peniaga dengan jumlah bantuan sebanyak RM39,000.

Perpustakaan Koperasi Malaysia ANGKASA